

13 SEP 2000

Ling-Suqiu

PERDANA MENTERI AKAN BERTEMU SUQIU JUMAAT INI, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menemui Jawatan Kuasa Rayuan Pertubuhan Cina Malaysia (Suqiu) Jumaat ini, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Biar beliau (Dr Mahathir) memberitahu mereka terus daripada hatinya akan apa pendapat beliau mengenai mereka," kata Dr Ling, yang juga Presiden MCA.

Semasa bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini, Dr Ling berkata beliau bertemu Dr Mahathir di mesyuarat mingguan Kabinet hari ini di Putrajaya berhubung permintaan Suqiu untuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri.

"PM dalam perbualan dengan saya telah memberitahu saya beliau nak bertemu sendiri dengan Suqiu," kata beliau.

Perdana Menteri dalam perutusan Hari Kebangsaannya telah berkata pendekatan yang diambil oleh Suqiu bagaikan menghidupkan semula dan mengapi-apikan sentimen perkauman seperti yang dibuat oleh kumpulan seni mempertahankan diri Al-Ma'unah yang melakukan rompakan senjata di Gerik, Perak dan membunuh dua anggota pasukan keselamatan.

Sebelum itu, Suqiu dalam tuntutan 17-perkara kepada kerajaan antara lain telah meminta, perpaduan masyarakat dipertingkatkan, memperkukuhkan demokrasi berparlimen, hak asasi manusia dan menegakkan keadilan, dasar ekonomi yang adil, mengkaji semula dasar penswastan dan dasar pendidikan liberal.

Mengenai perkara lain, Dr Ling juga berkata Malaysia Airline (MAS) akan memulakan penerbangan ke tiga lagi bandaraya utama di benua India iaitu Mumbai, Bangalore dan Hyderabad.

"Ini dipersetujui semasa pusingan kedua rundingan antara ketua setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Zaharah Shaari dan para pegawai Kementerian Penerbangan Awam India pada Isnin dan Selasa," kata beliau.

Beliau berkata, akan terdapat empat penerbangan ke Mumbai, dua ke Bangalore dan satu ke Hyderabad setiap minggu dan menambah kata kerajaan India juga meluluskan dua penerbangan tambahan ke New Delhi setiap minggu.

"Dengan ini, akan terdapat peningkatan dalam kapasiti penerbangan ke bandaraya-bandaraya penting di India," katanya.

Ditanya mengenai bantahan yang dibangkitkan oleh Dewan Perniagaan India Malaysia mengenai kenaikan tambang bagi penerbangan ke Chennai, Tamil Nadu di India, Dr Ling berkata selain Chennai, tambang penerbangan ke rantau lain juga telah dinaikkan.

"Saya diberitahu oleh MAS yang bagi musim ini, tambang penerbangan ke semua destinasi, termasuk Hong Kong, Jepun, dan Taiwan telah dinaikkan dan penerbangan lain seperti Air India dan Singapore Airlines (SIA) turut menaikkan tambang," katanya.

Dr Ling berkata, sebagai contoh tambang penerbangan ke Los Angeles dinaikkan 45 peratus, tetapi tambang MAS masih kompetitif memandangkan tambang SIA dari Singapura ke Chennai adalah lebih kurang RM2,000 sementara tambang yang dikenakan oleh MAS ke destinasi yang sama hanya lebih kurang RM1,500.

Beliau berkata, kenaikan tambang itu adalah keputusan komersil semata-mata dan bukan keputusan kerajaan, dan menambah kata tambang baru itu akan berkuatkuasa mulai 1 Okt.

-- BERNAMA

MLS ES AHH PR